

0347

R 8778 DEB
MAHATHIR - RAKYAT

KUALA TERENGGANU, 3 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK MENEKAN MANA-MANA PIHAK DI NEGARA INI KERANA SISTEM DEMOKRASI MEMBERI KEBEBASAN KEPADA RAKYAT MENYUARAKAN PENDAPAT.

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI DI NEGARA INI, RAKYAT MEMPUNYAI HAK DAN KUASA UNTUK MEMILIH KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL (BN) NEGERI, KETUA-KETUA JABATAN DAN ORANG-ORANG KENAMAAN DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DI SINI MALAM INI.

BELIAU BERKATA SISTEM DEMOKRASI MERUPAKAN SATU-SATUNYA KUASA YANG MENJAMIN KEADILAN.

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI, KERAJAAN JUGA PERLU PEKA KEPADA TUNTUTAN DAN RINTIHAN ORANG RAMAI SAMA ADA MELALUI AKHBAR, PERBINCANGAN ATAU SEBAGAINYA. -- LAGI
2314MST 03 10 87

0349

R 8779 DEB
MAHATHIR - RAKYAT 2 KUALA TRENGGANU

SAGAIMANPUN, KATA PERDANA MENTERI, KADANGKALA TUNTUTAN DAN RINTIHAN ITU TERPAKSA DITOLAK KERANA IA TIDAK BERASAS.

BELIAU BERKATA KADANGKALA KERAJAAN TIDAK MEMENUHI TUNTUTAN DARIPADA KALANGAN TENTENTU KERANA TIDAK MAHU PIHAK-PIHAK TERTENTU BERASA CEMBURU ATAU IRI HATI.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, WALAUPUN PENDUDUK NEGARA INI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA, NAMUN PERKARA-PERKARA BURUK SEPERTI RUSUHAN TIDAK PERNAH WUJUD.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESTABILAN YANG DINIKMATI OLEH NEGARA PADA MASA INI IALAH KERANA RAKYAT BERSIFAT TOLERANSI LAGI BERTIMBANG RASA.

OLEH ITU, BELIAU MENGESA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT DI NEGARA INI TERUS MEWUJUDKAN KEADAAN YANG TENANG AGAR PENTADBIRAN, PERNIAGAAN DAN SEBAGAINYA DAPAT BERJALAN LANCAR.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR DATUK HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI DATUK SETIA WANGSA HAJI ABDUL RAHMAN NASIR. -- BERNAMA
2319MST 03 10 87